



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**JURUTERA (B.2 EB.3 / B.2)
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



JURUTERA
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN) /
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Aeronautik (*Aerospace / Aeronautical Engineering*) / Kejuruteraan Bahan (*Materials Engineering*) / Kejuruteraan Bio (*Bio Engineering*) / Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik (*Electrical and Electronic Engineering*) / Kejuruteraan Kimia (*Chemical Engineering*) / Kejuruteraan Maritim (*Naval Engineering*) / Kejuruteraan Mekanikal (*Mechanical Engineering*) / Kejuruteraan Mekatronik (*Mechatronics Engineering*) / Kejuruteraan Rangkaian Komputer (*Computer Network Engineering*) / Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (*Science, Technology, Engineering and Mathematics [STEM]*) atau bidang berkaitan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2**

i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Aeronautik (*Aerospace / Aeronautical Engineering*) / Kejuruteraan Bahan (*Materials Engineering*) / Kejuruteraan Bio (*Bio Engineering*) / Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik (*Electrical and Electronic Engineering*) / Kejuruteraan Kimia (*Chemical Engineering*) / Kejuruteraan Maritim (*Naval Engineering*) / Kejuruteraan Mekanikal (*Mechanical Engineering*) / Kejuruteraan Mekatronik (*Mechatronics Engineering*) / Kejuruteraan Rangkaian Komputer (*Computer Network Engineering*) / Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (*Science, Technology, Engineering and Mathematics [STEM]*) atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun



ATAU

- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

2. Berkemahiran dalam bidang sains dan teknologi.
3. Berkemahiran dalam perancangan, pengurusan dan penyelarasan projek.
4. Berkemahiran dalam penulisan laporan dan komunikasi
5. Berkemahiran dalam penggunaan *Microsoft Office* seperti *Microsoft Word*, *Microsoft Excel* dan *Microsoft Powerpoint*.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengurus, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan projek-projek Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi (P3ST), terutamanya yang berkaitan dengan perkembangan keupayaan pertahanan dan memastikan projek-projek tersebut dilaksanakan dengan sempurna serta mengikut jadual pelaksanaan yang ditetapkan;
2. Bertanggungjawab kepada Pegawai Kanan P3ST dalam projek-projek yang diuruskan oleh P3ST;
3. Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran Kejuruteraan Sistem (*System Engineering*) dalam perolehan dan pengurusan sepanjang hayat keupayaan. Pegawai ini akan dilatih dalam bidang kejuruteraan sistem semasa bekerja di P3ST;



4. Menyelidik dan mengenal pasti teknologi-teknologi pertahanan yang terbaru, menyemak dan meneliti tawaran yang diterima dan memberi penilaian / tafsiran dari segi sains dan teknologi;
5. Mengendalikan pengumpulan maklumat mengenai sesuatu produk atau teknologi dan menyumbang kepada proses pemilihan pembekal;
6. Menyelidik dan membuat laporan-laporan projek;
7. Berinteraksi dengan pasukan projek bagi menghalusi dokumen-dokumen pertahanan;
8. Memastikan hasil projek-projek adalah menepati keperluan pengguna (*user*) atau Penaja Projek (*Project Sponsor*);
9. Membantu Pegawai Kanan P3ST dalam memastikan projek perkembangan dan permodenan ketenteraan dilaksanakan selaras dengan kehendak dan keperluan perancangan strategik Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB);
10. Menyumbang kepada penambahbaikan proses yang berterusan dan dasar Kementerian Pertahanan dan ABDB dari semasa ke semasa;
11. Menyumbang kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif sains dan teknologi Kementerian Pertahanan dan ABDB; dan
12. Melaksanakan tugas-tugas seperti yang dikehendaki oleh Pengarah P3ST atau Pegawai Kanan dari semasa ke semasa.